

11 JAN 1996

PM: PADANG YANG RATA TIDAK BERMAKNA BAGI PEMAIN YANG BERBEZA

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan saranan yang selalu dilaungkan oleh negara-negara membangun supaya mengadakan "padang rata" dalam perkhidmatan dan perdagangan tidak bermakna kerana pemainnya yang berbeza-beza.

Ini adalah kerana pemain dari negara-negara maju pada kebiasaannya "gergasi" dan pemain dari negara-negara membangun adalah "kerdil", beliau menyatakan perkara itu dalam dialog bersempena dengan forum ekonomi kebangsaan berkaitan defisit imbalan pembayaran di sini.

"Dengan sebab-sebab itu, kami (negara-negara membangun) berada dalam kekurangan. Apabila anda main golf anda diberikan handikap. Saya tidak nampak mengapa dalam perdagangan anda tidak boleh diberikan handikap. Jika kita rendah, kita harus diberikan kasut tumit tinggi supaya kita boleh sama tinggi dengan lawan kita," kata beliau.

Menjawab pertanyaan sama ada kerajaan sedar tindakan oleh beberapa negara tertentu, untuk mengadakan peraturan dalam Pertubuhan Perdagangan Sedunia yang akan membuka pasaran negara-negara membangun, Dr Mahathir menyatakan kerajaan sedar terdapat usaha-usaha untuk mengadakan peraturan yang tidak adil dan kerajaan selalu memastikan keadilan dalam isu-isu yang berkaitan.

Berkaitan dengan permintaan oleh negara-negara maju untuk membenarkan syarikat-syarikat mereka beroperasi di negara ini dengan hak yang sama dengan syarikat tempatan, Dr Mahathir menyatakan ini akan membuatkan syarikat-syarikat tempatan gulung tikar kerana persaingan yang sengit.

Sebagai contoh, beliau menyatakan jika bank asing dibenarkan beroperasi di sini seperti Bank Bumiputra di Malaysia, mereka boleh menanggung kerugian untuk beberapa tahun, kerana mereka boleh mendapat keuntungan di tempat lain.

Tetapi jika bank negara ini kerugian di Malaysia, tiada jalan lain mereka boleh mendapat ganti rugi, kata beliau.

"Oleh itu adalah penting kita memberikan beberapa perlindungan bagi perniagaan kita sehingga mereka boleh bersaing dengan pesaing-pesaing asing dan kemudiannya membuka cawangan mereka di negara-negara maju," kata beliau.

Pada masa ini, beliau menyatakan jika Bank Bumiputra membuka cawangan di Amerika Syarikat ia tidak akan mendapat sambutan kerana saiznya yang kecil. -- BERNAMA